

## → PRIHATIN

# Program Empower ECER ubah taraf hidup peserta

BERITA HARIAN (PRIHATIN) 25 JAN 2017 M/s 2

➔ Pelbagai bantuan diterima mampu kembangkan perniagaan

Oleh Shahrinnahar Latib  
bhnews@bh.com.my

➔ Kuantan

**P**eserta Program Latihan Kemahiran dan Keusahawanan Empower ECER anjuran Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) bersyukur kerana dapat menjalani kehidupan lebih selesa.

Peserta, Rosnani Abdul Rani, 37, berkata sebelum menyertai program Empower ECER yang ditawarkan percuma, beliau menjalankan perniagaan penjagaan selepas bersalin secara kecil-kecilan

bagi menampung perbelanjaan. "Bagaimanapun, selepas mengikuti program ini, pelbagai bantuan diterima sehingga memudahkan saya mengembangkan perniagaan.

### Peroleh RM4,000 sebulan

"Sebelum ini pendapatan saya tidak tetap iaitu sekitar RM1,000 hingga RM1,500 sebulan tetapi selepas menyertai program ini dan menerima bantuan kelengkapan sauna, saya mampu memperoleh pendapatan sehingga RM4,000 sebulan," katanya ketika ditemui selepas Majlis Penyerahan Dana Pembangunan Usahawan Bumiputera, di sini, semalam.

Seramai 10 peserta Empower ECER dari Kuantan dan Pekan menerima sumbangan Dana Usahawan Bumiputera TERAJU yang disampaikan Pengerusi Jawatankuasa Koperasi, Keusahawanan dan Kepenggunaan negeri, Datuk Shahrudin Ab Moin.

Yang turut hadir, Pengurus Besar Jabatan Sosioekonomi dan Projek Khas UMP Advanced Education (UAE), Zainal Bahari serta Pengurus Besar ECERDC Pahang, Mohd Mazlan Sharudin.

Seorang lagi peserta, Zakawi Mohamad Salleh, 39, dari Taman LKNP, Pekan, berkata latihan disediakan ECER juga membantu meningkat-

kan keyakinan peserta dan dapat melihat potensi lebih jelas terhadap perniagaan masing-masing.

### Tingkat kemahiran

Beliau yang menjalankan perniagaan pendawaian elektrik berkata, program dilaksanakan ECERDC itu membantu meningkatkan kemahirannya, cara berkomunikasi bersama pelanggan dan pemasaran.

Sementara itu, Shahrudin berkata, sumbangan dana itu disalurkan hasil kerjasama Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) dan ECERDC serta berharap bantuan berkenaan dapat dimanfaatkan peserta.

[FOTO SHAHRINNAHAR LATIB/BH]



Peserta Empower ECER dari Kuantan dan Pekan menerima sumbangan daripada Dana Usahawan Bumiputera TERAJU yang disampaikan Shahrudin, di Kuantan, semalam.

Fakta  
nombor

8,035  
PEPERTA

Program  
Latihan Kemahiran  
dan Keusahawanan  
Empower ECER